

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8243

SOALAN:

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik mangsa culik di Sabah dan
pecahan mengikut wilayah sejak 10 tahun yang lalu.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks dan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa sebarang petunjuk yang jelas serta berlaku atas pelbagai motif, bukannya semata-mata untuk tujuan mendapatkan wang tebusan sahaja. Penyelesaian kepada kes penculikan ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, bukan sahaja kepada pihak berkuasa semata-mata tetapi kerjasama daripada masyarakat juga perlu supaya tidak membuat sebarang spekulasi memandangkan kes culik boleh mengancam nyawa mangsa dan perlu ditangani secara teliti dan rahsia.

Statistik kejadian culik untuk tebusan mengikut daerah polis melibatkan kontinjen Sabah yang berlaku dari tahun 2005 hingga 2015 (Januari - September) adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	TAHUN											JUM
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	
1	TAWAU	0	0	0	0	0	1(1)	2(2)	0	0	0	0	3(3)
2	SEMPORNA	1(0)	0	0	0	0	1(0)	1(1)	0	3(2)	2(1)	0	8(4)
3	KUNAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	LAHAD DATU	0	0	0	0	0	0	0	1(1)		1(1)	0	2(2)
5	KINABATANGAN	0	0	0	0	0	1(1)	0	0	0	0	0	1(1)
6	SANDAKAN	0	0	0	0	0	1(1)	0	0	0	0	1(0)	2(1)
7	BELURAN	0	0	0	0	0	2(0)	0	0	0	0	0	2(0)
8	K.MARUDU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	KUDAT	0	0	0	0	0	3(3)	0	0	0	0	0	3(3)
10	K.BELUD	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11	TUARAN	0	0	0	0	0	1(1)	0	0	0	0	0	1(1)
12	RANAU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
13	KOTA KINABALU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
14	PENAMPANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
15	PAPAR	0	0	0	0	0	0	0	1(1)	0	0	0	1(1)
16	BEAUFORT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	SIPITANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	TENOM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	KENINGAU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		1(0)	0	0	0	0	10(7)	3(3)	2(2)	3(2)	3(2)	1(0)	23(16)

Statistik kejadian culik untuk tebusan mengikut seksyen yang disiasat melibatkan kontinjen Sabah yang berlaku dari tahun 2005 hingga 2015 (Januari - September) adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS SEKSYEN	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUM
1	SEK. 3 AKTA CULIK 1961	1(0)	-	-	-	-	6(6)	-	1(1)	3(2)	3(2)	1(0)	15(11)
2	SEK. 365 KK	-	-	-	-	-	-	3(3)	-	-	-	-	3(3)
3	SEK. 363 KK	-	-	-	-	-	4(1)	-	1(1)	-	-	-	5(2)
4	SEK. 386/394 KK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
5	SEK. 386/394 KK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
JUMLAH BESAR		1(0)	0	0	0	0	10(7)	3(3)	2(2)	3(2)	3(2)	1(0)	23(16)